



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

Fakulti Syariah dan Undang-undang Semester III, Sesi Akademik 2014/2015

Kertas Soalan Peperiksaan

Kod Kursus : SC 0302

**Nama Kursus : Pengenalan Kepada Perlembagaan
Sistem Perundangan Brunei**

Peringkat Kursus : Sijil Sistem Keadilan Jenayah Syariah

Masa : 3 jam

Nota:

Jawab EMPAT soalan dari soalan-soalan berikut.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Soalan 1 (15 markah)

Bincangkan dua (2) daripada perkara-perkara berikut:

- i) Sejarah hubungan British dan Brunei dari tahun 1847 sehingga 1906.
- ii) Kedudukan undang-undang sivil di Brunei dari tahun 1906 hingga 1982.
- iii) Kedudukan Mahkamah Kadi dari tahun 1906 hingga 2001.

Soalan 2 (15 markah)

- i) Jelaskan pengertian undang-undang awam dan undang-undang persendirian. Kemudian nyatakan kategori undang-undang awam. **(5 markah)**
- ii) Nyatakan makna 'undang-undang' dan fungsinya. **(5 markah)**
- iii) Jelaskan perbezaan di antara Undang-undang jenayah dan undang-undang sivil. **(5 markah)**

Soalan 3 (15 markah)

Jelaskan sepuluh (10) perbezaan antara undang-undang Syariah dengan undang-undang sivil dan huraikan lima (5) keistimewaan undang-undang Syariah.

Soalan 4 (15 markah)

i) Jelaskan definisi sumber dan nyatakan sumber undang-undang di Brunei.

(2 markah)

ii) Jelaskan definisi perlembagaan dan kepada berapa bahagiannya ianya dapat dikategorikan? Sebutkan satu daripadanya.

(3 markah)

iii) Bincangkan teori 'pengasingan kuasa' (*separation of powers*) dan cara bagaimana tiap-tiap satu badan itu terasing atau bebas daripada satu sama lain.

(5 markah)

iv) Apakah kuasa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang terkandung di dalam Perlembagaan Negara Brunei Darussalam?

(5 markah)

Soalan 5 (15 markah)

Hukum Kanun Brunei adalah bukti kepada pelaksanaan sistem perundangan Islam di Brunei. Bincangkan dan sokong jawapan awda dengan contoh pelaksanaannya serta terangkan isi kandungan Hukum Kanun Brunei.